



LAPORAN TAHUNAN 2007

www.johordt.gov.my/spaj

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM**



LAPORAN TAHUNAN 2007

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	4
Piagam Pelanggan	5
Carta Organisasi	6
Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	7
Pegawai dan Kakitangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	8
Laporan Tahunan :	
-□ Pendahuluan	9
-□ Fungsi	9
-□ Keanggotan Ahli-Ahli Suruhanjaya	9
-□ Keanggotan Urusetia Suruhanjaya	10
-□ Peruntukan Kewangan	11-12
-□ Aktiviti-Aktiviti Suruhanjaya	13-18
-□ Aktiviti-Aktiviti Lain	19-21
Penghargaan	22



PERUTUSAN PENERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah dan bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya saya berkesempatan sekali lagi untuk melaporkan aktiviti, kegiatan dan pencapaian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim sepanjang tahun 2007, bagi mematuhi Seksyen 17 Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959.

Tahun 2007 adalah tahun pertama perkhidmatan saya selaku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Mengambil kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk memegang tanggungjawab selaku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Harapan saya agar semua pihak yang berkaitan akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Secara keseluruhan aktiviti-aktiviti Suruhanjaya bagi tahun 2007 ini telah dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan sempurna.

Saya selaku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan semua ahli serta anggota pentadbiran Suruhanjaya ini turut merakamkan setinggi-tinggi kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor di atas kepercayaan serta perhatian Baginda Tuanku yang mendalam terhadap Suruhanjaya ini.

Sekian, salam hormat dari saya,

DATO' HAJI MOHD. RASHIDI BIN MOHD NOOR

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Johor


Piagam Pelanggan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2007

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim berikrar menjalankan tugas dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan memberi komitmen dalam urusan berikut:

1. Memberi peluang yang adil dan saksama kepada semua pihak yang berkelayakan memohon jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Johor.
2. Menyelesaikan urusan pelantikan anggota perkhidmatan awam negeri Johor dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh akhir temuduga setiap jawatan.
3. Menyelesaikan urusan perkhidmatan anggota perkhidmatan awam negeri Johor sebagaimana tempoh masa berikut:
 - 3.1. Pengesahan Lantikan
: 2 minggu
 - 3.2. Pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen
: 6 minggu
 - 3.3. Permohonan Pelanjutan tempoh percubaan
: 6 minggu
 - 3.4. Permohonan pelarasan gaji permulaan
: 6 minggu
 - 3.5. Permohonan pertukaran perkhidmatan
: 3 bulan
 - 3.6. Permohonan rayuan tatatertib
: 6 minggu
 - 3.7. Permohonan rayuan kenaikan pangkat
: 6 minggu

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR 2007






Pengerusi dan Ahli-Ahli
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim
Tahun 2007



Berdiri dari kiri:

Y.B Dato' Abdullah Bin Hj Jaafar, Y.B. Dato' Leong Hing Nin, Y.B Dato' Hj Mohd Rashidi Bin Mohd Noor (Pengerusi), Tuan Syed Ahmad Bin Syed Abdullah, Y.B. Dato' Omar Bin Awab.



Pegawai dan Kakitangan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim
Tahun 2007



Berdiri Dari Kiri (Belakang):

Pn. Hajah Zainab Binti Abd. Aziz, Pn. Nor Aisyah Binti A. Rahman, Pn. Samsiah Binti Idrus, Cik Hajah Faridah Binti Abu Bakar, Cik Siti Fatimah Binti Shak Daud, Cik Fadhillah Binti A. Rahman, Puan Asnah Binti Kasimon

Berdiri dari Kiri (Tengah):

En. Mohd. Faizal Bin Abdul Ansar, En. Md. Esa Bin Baharom, Tuan Haji Abdull Jalil Bin Othman, Tuan Haji Muzaldin Bin Mohamed, En. Saharudin Bin Talib, En. Mishazli Bin Abdul Rahim, Encik Jamaluddin Bin Ahmad.

Duduk dari kiri:

Y.B Dato' Abdullah Bin Hj Jaafar, Y.B. Dato' Leong Hing Nin, Y.B Dato' Hj Mohd Rashidi Bin Mohd Noor (Pengerusi), Y.B. Dato' Omar Bin Awab, Tuan Syed Ahmad Bin Syed Abdullah.

LAPORAN TAHUNAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2007

1. Pengenalan

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2007 disediakan sebagaimana mematuhi kehendak Seksyen 17 Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959. Laporan ini adalah keluaran yang ke 45 sejak Suruhanjaya ini ditubuhkan.

2. Bidang Kuasa Dan Perundangan

Mengikut seksyen 11 (1) Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959, Suruhanjaya bertanggungjawab melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam jawatan tetap atau ke jawatan berpenyen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas setiap anggota perkhidmatan awam Negeri.

3. Keanggotaan Suruhanjaya

Suruhanjaya dianggotai oleh seorang Pengerusi dan empat orang Ahli sebagai mana berikut:

3.1. Pengerusi

Y.B. Dato' Haji Mohd. Rashidi Bin Mohd. Noor
DPMJ., PLP., PIS., BSI.

3.2. Ahli-Ahli:

Y.B. Dato' Leong Hing Nin
DPMJ., DSIJ., PIS., PPT.(N.Sembilan), BKT.(Melaka), PJK.(N.Sembilan),

Y.B. Dato' Haji Omar Bin Awab
DPMJ., AMN., KMN.

Y.B. Dato Haji Abdullah Bin Jaafar
DPMJ., PLP., PIS II.

Tuan Haji Syed Ahmad Bin Abdullah
SMJ.

4. **Keanggotaan Urusetia Suruhanjaya:**

Keanggotaan Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim adalah seperti berikut:

Pegawai Tadbir Negeri Johor Gred N44

Tuan Haji Muzaldin Bin Mohamed – mulai 1.3.2006

Tuan Haji Abdull Jalil Bin Othman

Penolong Pegawai Tadbir (Peg. Eksekutif) Gred N27

Encik Mohamad Bin Azis – mulai 1.9.2006

Penolong Pegawai teknologi Maklumat Gred F29 (Kontrak)

Mohamed Faizal Bin Abdul Ansar

Ketua Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22

Hjh Zainab Bte Abd Aziz

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Encik Md. Esa Bin Baharom

PIS II.

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Puan Asnah Bte Kasimon

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Encik Zulkifli Bin Abd. Fatah

Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11

Cik Faridah Binti Abu Bakar

Puan Samsiah Binti Idrus

Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 (Kontrak)

Cik Nor Aisyah Bte A. Rahaman – mulai 17.7.2006


Pembantu Am Rendah Gred N1

Encik Jamaluddin Bin Ahmad

5. KEWANGAN DAN PERBELANJAAN PEJABAT :

- 5.1 Peruntukan sebanyak RM 298,000.00 bagi tahun 2007 bagi maksud Tanggungan (T.02) ialah untuk kegunaan Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Pecahannya adalah seperti berikut :


Objek Am	Peruntukan 2007 (RM)	Perbelanjaan 2007 (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
Emolumen	160,000.00	129,929.00	81.2
Perkhidmatan dan Bekalan	138,000.00	123,516.84	89.5
JUMLAH	298,000.00	253,445.85	85.05



Carta 1.1 Tanggungan T.02

- 5.2 Manakala peruntukan sebanyak RM 309,000.00 bagi tahun 2007 di bawah maksud Bekalan (B.01) ialah untuk kegunaan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Pecahan adalah seperti berikut :

Objek Am	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
Emolumen	203,000.00	243,682.17	120.04
Perkhidmatan dan Bekalan	106,000.00	80,899.66	76.32
JUMLAH	309,000.00	324,581.83	105.04



6. Aktiviti-Aktiviti Suruhanjaya

Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2007 seperti berikut:

6.1. Mesyuarat

Mesyuarat Bulanan	:	8 kali
Mesyuarat Pelantikan	:	7 kali
Mesyuarat Khas/Tapisan	:	5 kali
Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat	:	2 kali
Mesyuarat Rayuan Tatatertib	:	2 kali

6.2. Temu Duga

Temuduga Jawatan Kosong	:	103 hari
Temuduga Pelanjutan Tempoh Percubaan	:	5 kali

6.3 Urusan Pelantikan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim telah menerima dan memproses sebanyak 13,106 permohonan untuk mengisi 13 jenis jawatan kosong disepanjang tahun 2007. Seramai 9838 calon telah dipanggil temuduga bagi mengisi 13 jenis jawatan kosong, manakala baki 8 jenis jawatan kosong akan dipanggil temuduga pada awal tahun 2007. Seramai 914 calon telah dilantik bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan tersebut seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Kekosongan	Jumlah Mohon	Panggil T/duga	Jumlah Lantikan
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional				
1.	Peg. Syariah (LS41)	17	98	25	17
2.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (DG41)	13	573	29	13
	Kumpulan Sokongan				
1.	Pen. Peg. pertanian (G27)	2	249	40	2*
2.	Peg. Perkhidmatan Pend. Bukan Siswazah (DG27)	6	6	6	6
3.	Pembantu Pembangunan Masyarakat (S17)		6032	6032	
4.	Pembantu Penerbitan (N17)	2	953	22	2
5.	Peg. Khidmat Pelanggan (N17)	16	2093	150	16
6.	Pem. Syariah (LS17)	22	457	171	22
7.	Renjer Huttan (G17)	5	283	19	5
8.	Pem. Tad. (Kewangan) (W17)	160	1967	1000	160
9.	Pem. Tadbir (N17)	700		2281	658*
10.	Pembantu Am Rendah (Pembaca Al-Quran)	3	231	33	3
11.	Pengawal Keselamatan (KP11)	10	164	30	10
	Jumlah	956	13106	9838	914

6.4. Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pada tahun 2007, seramai 184 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah disahkan dalam perkhidmatan setelah mendapat perakuan Ketua Jabatan, lulus peperiksaan yang disyaratkan dan lulus dengan jayanya Kursus Induksi. Jawatan-jawatan dimaksudkan seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Peg. Hal Ehwal Islam	S41	1
2.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma	DGA29	53
3.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DGA27	20
4.	Pembantu Teknik	J29	12
5.	Penolong Pegawai Pertanian	G27	3
6.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	5
7.	Penolong Pegawai Tadbir (Peg. Eksekutif)	N27	2
8.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S27	1
9..	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	5
10.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	20
11.	Pembantu Tadbir (P/Stor)	N17	7
12.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	2
13.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	7
14.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	7
15.	Juruteknik	J17	10
16.	Pelukis Pelan	J17	1
17.	Pengawas Hutan	G11	6
18.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	5
19.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	1
20.	Operator Mesin Prosesan Data	F11	1
21.	Pengawal Keselamatan	KP11	1
22.	Penghantar Notis	N3	4
23.	Pembantu Am Pejabat	N1	10
19.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	1
	Jumlah		184

6.5. Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen:

Seramai 16 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen setelah mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan, lulus peperiksaan yang disyaratkan atau dikecualikan daripada menduduki peperiksaan, lulus dengan jayanya Kursus Induksi serta membuat opsyen memilih skim berpencen, Jawatan-jawatan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Pembantu Teknik	J29	2
2.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DGA27	5
3.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	2
4.	Juruteknik	J17	3
5.	Pembantu Tadbir (P/Stor)	N17	1
6.	Pembantu Makmal	C17	1
7.	Pelukis Pelan	J17	1
8.	Pengawas Hutan	G11	1
	Jumlah		16

6.6. Pemberian Taraf Berpencen:

Seramai 70 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diberi taraf berpencen setelah genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan membuat opsyen bagi memilih skim pencen seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Pegawai Tadbir Negeri	N41	5
2.	Pegawai Syariah	LS41	2
3.	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	2
4.	Penolong Pegawai Pertanian	G27	4
5.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	1
6.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	1
7.	Pembantu Akauntan	W17	1
8.	Juruaudio Visual	N17	1
9..	Penolong Pegawai Tanah	NT17	12
10.	Pembantu Tadbir (P/Stor)	N17	1
11.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	10
12.	Pembantu Pembangunan Masyarakat	S17	3
13.	Juruteknik	J17	8
14.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	7
15.	Pembantu Am Rendah	N1	12
	Jumlah		70

6.7. Rayuan Lanjut Tempoh Percubaan:

Seramai 15 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan kerana gagal dalam peperiksaan atau gagal diperakukan oleh Ketua Jabatan. Anggota yang dimaksudkan terdiri seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Penolong Pegawai Belia Sukan	S27	2
2.	Pembantu Teknik	J29	1
3.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	2
4.	Penolong Pegawai Veterinar	G27	1
5.	Juruteknik (Awam)	J17	3
6.	Pembantu Makmal	C17	1
7.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	1
8.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	1
9.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	2
10.	Pengawas Hutan	G11	1
Jumlah			15

6.8. Pelarasan Gaji Permulaan:

Dalam tahun 2006 seramai 11 orang pelbagai jawatan perkhidmatan awam Negeri Johor telah mengemukakan permohonan pelarasan gaji permulaan. Seramai 7 orang daripadanya telah diluluskan pelarasan gajinya manakala 4 permohonan telah ditolak seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Mohon	Lulus	Tolak
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah	DG41	8	8	-
2.	Pembantu Tadbir (P/Stor)	N17	1	1	-
3.	Pembantu Veterinar	G17	1	1	-
4.	Pembantu Juruaudit	W17	1	1	-
5.	Pengawas Hutan	G11	1	1	-
6.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	1	1	-
Jumlah			13	13	-

6.9. Pengecualian Mengikuti Semula Kursus Induksi:

Seramai 20 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pengecualian mengikuti semula Kursus Induksi dalam kumpulan yang sama seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	Pegawai Tadbir Negeri	N41	4
2.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DG27	11
3.	Penghantar Notis	N3	5
Jumlah			20

6.10. Permohonan Pertukaran Perkhidmatan Secara Tetap Dari Perkhidmatan Awam Persekutuan Ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor:

Tiada pegawai perkhidmatan Awam Persekutuan memohon pertukaran perkhidmatan ke Perkhidmatan Awam Johor.

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	-	-	-
Jumlah			-

6.11. Permohonan Pertukaran Perkhidmatan Dari Perkhidmatan Awam Negeri Johor Ke Perkhidmatan Awam Persekutuan Secara Pinjaman/ Sementara:

Seramai 1 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor berjawatan Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11 telah diluluskan pertukaran ke Perkhidmatan Awam Persekutuan secara pinjaman/ sementara:

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	1
Jumlah			1

6.12. Rayuan Tindakan Tatatertib:

Sebanyak 6 kes rayuan tindakan tatatertib telah ditolak dan Lembaga Rayuan mengekalkan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib seperti maklumat berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Kes	Hukuman
1.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	1	Buang Kerja
2.	Pemandu Bermotor	R3	1	Buang Kerja
3.	Pembantu Am Rendah	R1	3	Buang Kerja
4.	Pembantu Am Pejabat	R1	1	Amaran
Jumlah			6	

7. Aktiviti-Aktiviti Lain:

7.1. Pada 5 April 2007 (Khamis), SPAJ telah mengadakan Majlis Mengangkat Sumpah Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang berlangsung di Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Berikut adalah pelantikan baru Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya :-



Dari kiri :

Y.B. Dato' Haji Omar Bin Awab, Y.B. Dato' Haji Mohd. Rashidi Bin Mohd. Noor, Y.A. Dato' Jeffrey Tan Kok Wha, Y.B Dato' Leong Hing Nin, Y.B. Dato' Haji Abdullah Bin Haji Jaafar, Tuan Syed Ahmad Bin Syed Abdullah.

7.2. Pada 22 Jun 2007, di kediaman rasmi Setiausaha Kerajaan Johor, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah mengadakan Majlis makan malam sempena persaraan pengerusi & ahli suruhanjaya. Dengan segala hormatnya, kami warga kerja SPAJ, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.B. Dato' IR Haji Mohd Dom Bin Sentanu dan ahli-ahlinya Tuan Haji A. Bakar Bin Arshat, Tuan Haji Fadzil Bin Mohd Noor diatas komitmen dan kerjasama kepada suruhanjaya ini dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna sebagai pengerusi dan ahli SPAJ selama sepuluh (10) tahun mulai 1.1.1997 hingga 31.12.2006.





PENGHARAGAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Ketua-Ketua Jabatan Negeri Johor dan
semua pihak yang terlibat

di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan
sepanjang tahun 2007 bagi membolehkan Suruhanjaya
ini melaksanakan tugas dan tanggungjawab
dengan sempurna dan berkesan.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim

JKR 35, Bukit Timbalan

80510 Johor Bahru

Tel: 07-2243652

Fax: 07-2234945

Web Site: www.johordt.gov.my/spaj



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
JKR 35, Bukit Timbalan, 80510 Johor Bahru, Johor.
Tel: 07-2243652 Fax: 07-2234945